**IBU PEJABAT**
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
*Fire and Rescue Department of Malaysia*
Lebuh Wawasan, Presint 7
**62250 PUTRAJAYA**

603-88927600
http://www.bomba.gov.my
integriti@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/IP/UIN:100-14/7/1 Jilid 4 (40)
Tarikh : 17 Mei 2024

**SENARAI EDARAN**

YS Dato'/Datuk/Datu/Tuan/Puan,

**EDARAN PINDAAN OBJEKTIF POLISI ANTI RASUAH DAN PERNYATAAN POLISI ANTI RASUAH JBPM**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Memaklumkan bahawa Objektif Polisi Anti Rasuah dan Pernyataan Polisi Anti Rasuah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah dipinda selari dengan perubahan Pengurusan Tertinggi Jabatan. Setiap warga Jabatan hendaklah menghayati setiap perkara di dalam Pernyataan Polisi Anti Rasuah Jabatan.

3. Sehubungan dengan itu, sebagai persediaan audit pensijilan semula ISO 37001:2016 pada 21-25 Oktober 2024 ini mohon YS Dato'/ Datuk/ Datu/ Tuan/ Puan untuk memastikan Objektif Polisi Anti Rasuah Jabatan dan Pernyataan Polisi Anti Rasuah Jabatan yang terdahulu digantikan dengan pindaan yang terkini dan

../2

membuat edaran sehingga ke semua peringkat di bawah jagaan YS Dato'/ Datuk/ Datu/ Tuan/ Puan untuk membuat cetakan. Mohon imbas *qrcode* di bawah bagi mendapatkan salinan *soft copy* bagi kedua-dua polisi tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(SYED AZMAN BIN SYED GHAZALI)**
Ketua Unit Integriti
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**SENARAI EDARAN**

1. Pengarah Bahagian Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
2. Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
3. Pengarah Bahagian Udara
4. Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
5. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
6. Pengarah Bahagian Latihan
7. Pengarah Bahagian Pembangunan, Kejuruteraan dan Logistik
8. Pengarah Bahagian Pengurusan
9. Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
10. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
11. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri P. Pinang
12. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
13. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
14. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
15. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
16. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
17. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
18. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
19. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
20. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
21. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
22. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
23. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
24. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
25. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan
26. Komandan ABPM Wilayah Tengah
27. Komandan ABPM Wilayah Timur
28. Komandan ABPM Wilayah Utara
29. Komandan ABPM Wilayah Sabah
30. Komandan ABPM Wilayah Sarawak

# OBJEKTIF
## POLISI ANTI RASUAH

Dengan pelaksanaan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001:2016 ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan berusaha untuk mencapai objektif-objektif dalam Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) dan integriti seperti berikut:

1. Melaksanakan amalan penghayatan dan pembudayaan integriti di kalangan warga Jabatan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun;
2. Sesi Pesanan Integriti dilakukan sebelum jawatankuasa mesyuarat perolehan bersidang;
3. Memastikan 100% perolehan yang dilaksanakan disertakan Lampiran Aduan Integriti bersama Surat Setuju Terima (SST);
4. Memastikan Pesanan Integriti dilaksanakan sebelum pemeriksaan keselamatan kebakaran bagi tujuan pengeluaran Surat Sokongan Pelesenan Perniagaan, Penghapusan Bahaya Kebakaran, Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pelan dan Mesyuarat JK Teknikal Keselamatan Kebakaran (JKTKK); dan
5. Memberi maklum balas (Kad Akuan Terima) kepada pengadu dalam tempoh tiga (3) hari bekerja melalui sistem eAduan Integriti.

**JBPM sentiasa komited untuk mencapai objektif-objektif dalam Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) dan Integriti**

**DATO' Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD**
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Tarikh: 8/1/2024

# PERNYATAAN

## POLISI INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mensasarkan sifar toleransi terhadap rasuah ***(zero tolerance towards corruption)*** di dalam penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan kepada masyarakat. Bagi merealisasikan polisi ini, JBPM memberikan penekanan kepada enam (6) kerangka berikut:

1. **Memastikan semua warga Jabatan memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan, pekeliling atau arahan berkaitan integriti dan akauntabiliti yang berkuat kuasa termasuklah Akta SPRM 2009.**
2. **Menerapkan elemen anti rasuah dalam penggubalan polisi Jabatan bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan tadbir urus.**
3. **Menambahbaik sistem dan prosedur kerja bagi mengelakkan dan mencegah risiko atau potensi rasuah, amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta jawatan.**
4. **Unit Integriti melaksanakan tugas dan tanggungjawab berdasarkan bidang kuasa dan bebas dari sebarang pengaruh.**
5. **Membudayakan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan.**
6. **Mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tata kelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan secara berterusan.**

**DATO' Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD**
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Tarikh: 8/1/2024

**JBPM sentiasa komited untuk menambahbaik keperluan-keperluan di bawah Polisi Anti Rasuah dan Akta SPRM 2009. Pelanggaran kepada polisi ini boleh membawa kepada tindakan tatatertib kepada mereka yang terlibat.**